



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 8888 1480
8888 3381
Faks : 8888 4479

KPKK(R)600-2 (5)
2 Januari 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDUNGI MAKLUMAT
KERAJAAN SERTA TINDAKAN TEGAS SEKIRANYA BERLAKU
KEBOCORAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berkaitan perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, semua dokumen serta maklumat rahsia rasmi atau terperingkat Kerajaan adalah diberi perlindungan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Dalam hal ini, tatacara pengurusan dan langkah-langkah kawalan keselamatan adalah berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan di dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) serta surat-surat pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

3. Sejak kebelakangan ini, terdapat beberapa insiden kebocoran maklumat rahsia rasmi atau terperingkat Kerajaan khususnya melalui aplikasi media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *whatsapp* dan sebagainya. Insiden ini berlaku kebanyakannya berpunca daripada kurang kesedaran keselamatan dan jati diri penjawat awam bagi menjaga kerahsiaan sesuatu maklumat yang berada dalam kawalannya tanpa menyedari implikasi buruk terhadap Kerajaan dan Negara sekiranya maklumat-maklumat tersebut bocor.

4. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperingatkan semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing supaya sentiasa melindungi dan memelihara kerahsiaan maklumat Kerajaan. Kerajaan memandang serius perkara ini dan tindakan tegas hendaklah diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang terlibat membocorkan maklumat rahsia rasmi Kerajaan melalui peruntukan undang-undang sedia ada atau tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 sehingga hukuman boleh dibuang kerja.

5. Sehubungan itu, penjawat awam yang secara langsung mengurus dokumen dan maklumat penting Kerajaan hendaklah diberi kesedaran melalui bengkel, taklimat atau sesi *hands-on* dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) di Ibu Pejabat atau Negeri. Oleh yang demikian, sekiranya berlaku sebarang insiden kebocoran maklumat Kerajaan, Ketua Jabatan dikehendaki mengemukakan laporan awal insiden tersebut kepada:

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, 1 & 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi)
Tel: 03-8872 6038/ 6039 | Faks: 03-8888 3258
E-mel: kictrr@cgso.gov.my

6. Kerjasama, perhatian serta tindakan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam usaha memelihara kerahsiaan maklumat Kerajaan yang merupakan tanggungjawab kita bersama amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ZUKI BIN ALI)
Ketua Setiausaha Negara